

IPTA negara berkualiti



Muhammad Anas (empat, kiri) menerima Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi yang disampaikan Idris. Turut kelihatan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (dua, kiri).

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN – Institusi pengajian tinggi kini dilihat mampu menghasilkan pelajar cemerlang hasil kualiti pendidikan negara yang berpotensi muncul antara terbaik di dunia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata,

berdasarkan laporan *QS World University Ranking 2015/2016*

menunjukkan, universiti awam negara ini secara konsisten memperbaiki kedudukan setiap tahun.

Menurutnya, Universiti Malaya (UM) sebagai contoh, berada di tangga ke-146 diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) tangga ke-289 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pula di tangga ke-331.

“UM juga mencatatkan dua subjek Top 50 iaitu Pengajian Pembangunan di tangga ke-30, manakala subjek Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pula di tangga ke-37.

“Pengajian Kejuruteraan Kimia ditawarkan USM pula berada di tangga ke-46 dan ini semua adalah berdasarkan penilaian dilakukan *QS World University Ranking by Subject 2016*,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, malam kelmarin.

Melihat perkembangan positif itu, Idris berkata, kerajaan begitu komited untuk terus memastikan rakyat mendapat pendidikan terbaik di semua institusi pendidikan di negara ini.

Katanya, bagi tujuan itu ke-

menterian telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam usaha melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

“Saya berjanji kepada rakyat Malaysia untuk melihat mereka mendapat pendidikan terbaik yang sepatutnya di negara ini. Usaha ini semua termasuk daripada warga sistem pendidikan tinggi kita,” katanya.

Idris berkata, antara inisiatif itu adalah Sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) yang merupakan pernilaian bukan berdasarkan pencapaian akademik sahaja tetapi juga penyertaan dalam kokurikulum, aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan.

Selain itu katanya, Program Dua Universiti Dua Industri (2u2i) iaitu program pembelajaran berasaskan kerja yang mana mahasiswa akan belajar selama dua tahun di universiti dan dua tahun menimba pengalaman di industri.

“Kita ada juga Program Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Fakulti yang memberi peluang kepada mahasiswa menimba ilmu daripada CEO terkemuka di Malaysia dan negara luar,” katanya.

Beliau percaya inisiatif itu dilihat berkeupayaan melahirkan graduan dari universiti tempatan yang lebih holistik bukan sahaja hebat dalam bidang akademik malah cemerlang daripada segi kepimpinan, kemahiran komunikasi dan keusahawanan.

Pada majlis itu, pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Muhammad Anas Misbahudin, 24, merangkul anugerah tertinggi Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi.